

FIQH  
AL-QURANOleh  
Prof. Madya  
Dr. Khairul  
Anuar Mohamad

# Memahami kepentingan nasikh, mansukh

**S**ATU ketika Ali Ibn Abi Talib r.a masuk ke sebuah masjid di Kufah. Beliau melihat seorang lelaki yang dikenali sebagai Abdul Rahman Ibn Dab yang merupakan sahabat kepada Abu Musa al-Asy'ari sedang menjawab soalan yang dikemukakan oleh orang ramai di sekelilingnya.

Dalam jawapannya, Abdul Rahman melakukan kekeliruan antara arahan dan larangan begitu juga dengan keharusan dan sebaliknya. Melihat perkara tersebut, Ali Ibn Abi Talib r.a bertanya: Adakah kamu mengetahui *nasikh* dan *mansukh*?

Abdul Rahman menjawab: Tidak. Ali Ibn Abi Talib berkata: Kamu telah musnah dan memusnahkan. Akhirnya Ali Ibn Abi Talib memberi amaran: "Selepas ini jangan lagi kamu berbicara dalam masjid kami".

Dalam riwayat yang lain, hal yang sama berlaku kepada Abdullah Ibn Umar dan Abdullah Ibn Abbas r.a yang memberi nasihat kepada lelaki yang keliru tentang hukum hakam. Ia tentang larangan dan arahan dengan sebab tidak memahami *nasikh* dan *mansukh*.

*Nasakh* dalam bahasa Arab mempunyai dua makna iaitu menghilangkan, menghapuskan dan memindahkan sesuatu benda. Al-Sajistani berkata, *nasakh* ialah mengubah. Umpamanya mengubah madu kepada benda lain.

Dari sudut istilah, *nasakh* adalah mengangkat hukum syarie dengan dalil syarie. Mengangkat dalil syarie bermaksud dalil tersebut tidak diamal lagi oleh mukalaf.

Hukum syarie pula bermaksud kata-kata Allah yang berkaitan perbuatan mukalaf meliputi al-Quran dan sunnah.

*Nasakh* wujud dalam al-Quran sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud: *Apa sahaja ayat keterangan yang Kami mansukhkan (batalkan) atau yang kami tinggalkan (atau tangguhkan) Kami datangkan ganti yang lebih baik daripadanya atau yang sebanding dengannya. Tidakkah kamu mengetahui*



**ANTARA** contoh ayat al-Quran yang dinasakh ialah tempoh idah (berkabung) bagi isteri yang kematian suami iaitu daripada setahun kepada empat bulan 10 hari. - GAMBAR HIASAN

*bahawasanya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu?* (al-Baqarah: 106)

Sebagai contoh hukum iddah bagi isteri yang kematian suami. Pada permulaan Islam, tempoh idah adalah selama setahun.

Ia sebagaimana firman Allah SWT: *Dan mereka yang hampir mati antara kamu serta akan meninggalkan isteri maka hendaklah mereka berwasiat untuk isteri mereka agar diberi nafkah makan, pakaian dan tempat tinggal selama setahun dan tidak disuruh pindah dari tempat tinggalnya dengan kehendaknya sendiri sehingga sebelum sampai tempoh setahun..* (al-Baqarah: 240)

Hukum idah selama setahun ini *dimansukhkan* dengan penurunan firman Allah SWT yang bermaksud: *Dan mereka yang meninggal dunia antara kamu dengan meninggalkan isteri yang tidak hamil maka hendaklah isteri itu menunggu dalam idah selama empat bulan 10 hari.* (al-Baqarah: 234)

*Nasakh Mansukh* tidak berlaku pada ayat yang berkaitan dengan penciptaan alam, mukjizat dan kisah umat terdahulu.

Ia hanya ada para ayat

yang berkait dengan arahan, larangan, halal dan haram.

Penulisan dalam *Nasikh Mansukh* ini dirintis oleh Abu Ubaid al-Qasim Ibn Sallam (meninggal 224 hijrah) melalui kitabnya *al-Nasikh wa al-Mansukh Fi al-Quran*.

Pada zaman mutakhir ini beberapa ulama menghasilkan karya berkaitan *Nasakh Mansukh* antaranya Dr. Abdullah Ibn Muhammad al-Amin al-Syanqiti dengan tajuk *al-Ayat al-Mansukhah Fi al-Quran al-Karim*.

Menurut sebahagian penulis, kitab yang terbaik dalam bab ini ialah kitab karangan Dr. Mustafa Zaid yang bertajuk *al-Nasakh Fi al-Quran al-Karim*.

## JUMLAH DAN HIKMAH AYAT MANSUKH

Pengkajian kepada semua penulisan dalam bab ini mendapati ada perbezaan dalam jumlah ayat yang *dinasakhkan*.

Dr. Mustafa Zaid berkata, bilangan ayat *nasakh* adalah 293 ayat; Ibn al-Jauzi pula berpendapat 247 ayat, al-Sukri menyatakan 218 ayat dan Ibn Hazm sebanyak 214 ayat.

Selain itu terdapat juga ulama yang berkata bilangan

ayat *nasakh* tidak sampai 100 ayat seperti Abdul Qahir berpendapat 66 ayat sahaja, al-Zarqani sebanyak 22 ayat dan Imam Sayuti (meninggal 911 hijrah) menyatakan, ayat-ayat al-Quran yang berkait dengan *nasakh* adalah 20 ayat sahaja.

Imam al-Dahlawi pula berpendapat, ayat *nasakh* dalam Quran hanya lima ayat.

Ayat-ayat tersebut adalah ayat berkaitan wasiat dalam surah al-Nisa', ayat tentang sabar seseorang menyamai 10 orang musuh dalam surah al-Anfal; ayat 52 surah al-Ahzab; ayat 12 surah al-Mujadalah dan ayat pertama surah al-Muzammil.

Ayat *nasakh* dan *mansukh* ini ditentukan secara *tauqifi* di mana ia tidak dapat diketahui kecuali dengan jalan syarak sahaja. Allah yang menurunkan hukum syarak dan Dialah sahaja yang berhak mengangkat hukum tersebut.

Selain itu mestilah berlaku dua hukum yang bertentangan secara zahir. Dengan makna kandungan ayat *nasikh* berbeza dengan ayat *mansukh*.

Ulama menggariskan beberapa hikmah kenapa *nasakh* ada dalam al-Quran.

Antaranya ialah menjaga



**Ayat nasakh dan mansukh ini ditentukan secara tauqifi di mana ia tidak dapat diketahui kecuali dengan jalan syarak sahaja. Allah yang menurunkan hukum syarak dan Dialah sahaja yang berhak mengangkat hukum tersebut."**

*masalah* manusia, proses perundangan yang berlaku secara berperingkat sehinggalah akhirnya ia sempurna, ujian kepada mukalaf dan mahukan kebaikan kepada masyarakat.

Dr. Abdul Ghaffar Sulaiman menyatakan: "Hikmah *nasakh mansukh* dalam al-Quran ialah berkait dengan tabiat semula jadi manusia khususnya di waktu masa berlalu dengan cepat dan kiamat semakin hampir ini adalah lemah dan kuasa yang terbatas.

"Lantas Allah SWT mahu memberi rahmat kepada umat Nabi Muhammad SAW lalu diturunkan perundangan yang kekal dan bersesuaian dengan kudrat manusia meskipun mereka berbeza tenaga.

"Allah SWT mensyariatkan perundangan dan menguji, mengkhususkan, *menasakh* sebahagian atau keseluruhan sehinggalah kekal kepada kita syariat yang amat kukuh, hikmah dan sempurna".

Ia sebagaimana firman Allah SWT: *Pada hari ini, Aku telah lengkapkan untukmu agamamu, dan Aku telah sempurnakan nikmat-Ku kepada kepadamu, serta Aku telah meredakan Islam sebagai agamamu.* (al-Maidah: 3)